

12 APR 2001

Mahathir-ISA/I

PENAHANAN MENGIKUT ISA LANGKAH BERJAGA-JAGA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Penahanan tujuh orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah untuk menghalang berlakunya keganasan dan kerosakan semasa perhimpunan yang dicadangkan pembangkang pada 14 April, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata polis percaya keganasan yang mengakibatkan kerosakan akan berlaku hasil daripada demonstrasi yang dirancang untuk diadakan Sabtu ini.

"Polis telah memutuskan bahawa mereka tidak akan melayani demonstrasi ini kerana demonstrasi ini boleh menyebabkan keganasan dan kita tidak tahu apa jenis kerosakan yang akan berlaku," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran bahan penampal gigi "Silverfil" di Taman Teknologi Malaysia di sini, beliau berkata polis telah membuat kenyataan bahawa mereka mempunyai bukti mengenai rancangan untuk menggunakan bahan letupan dan seumpamanya, "jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku".

Beliau berkata polis bertanggungjawab bagi keselamatan negara, dan secara kebetulan mereka yang ditahan itu pemimpin-pemimpin pembangkang.

"Kita menerima pembangkang yang sah, mereka yang menggunakan prosedur demokrasi biasa... kita tidak fikir demonstrasi dan keganasan adalah prosedur demokrasi," katanya.

Ditanya mengenai reaksi antarabangsa terhadap penahanan itu, beliau berkata: "Seperti biasa media asing akan mempersoalkan kita... mereka tidak pernah lihat sebarang kebaikan pada kita walaupun kita baik, kita mempunyai tanggungjawab terhadap negara kita... mereka boleh buat apa yang mereka suka."

Sejak dua hari lepas polis telah menahan tujuh orang termasuk Ketua Pemuda Keadilan Mohamad Ezam Mohd Nor, Naib Presiden Keadilan Chua Tian Chang, anggota majlis tertinggi Keadilan Saari Sungib, Naib Presiden Pemuda Kebangsaan parti pembangkang M. Gobalakrishnan dan anggota Exco Pemuda Keadilan Abdul Ghani Harun.

Dua lagi ialah aktivis reformasi Hishammuddin Rais dan Pengarah Kempen Bebaskan Anwar Raja Petra Raja Kamaruddin.

Semalam, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai berkata ketujuh-tujuh mereka merupakan sebahagian daripada kira-kira 20 aktivis reformasi yang mengadakan mesyuarat antara 6 Jan dan 4 April, bagi merancang cara untuk mempengaruhi orang ramai menyertai demonstrasi jalanan.

Menurutnya satu daripada tujuan kumpulan itu ialah untuk mengadakan demonstrasi besar-besaran yang dikenali sebagai "Black 14" di ibu negara pada Sabtu ini.

Ketika ditanya sama ada ketujuh-tujuh orang itu mungkin boleh ditahan dengan menggunakan undang-undang lain daripada ISA, Dr Mahathir berkata ia mungkin boleh dilakukan tetapi undang-undang biasa memerlukan bukti, prosedur dan proses tertentu, yang menurut pendapat polis tidak efektif dalam menghalang sesuatu daripada berlaku.

"Jika sesuatu sudah berlaku, ia mungkin boleh dilakukan tetapi ini adalah pencegahan... maknanya perkara itu belum lagi berlaku," kata beliau.

Kepada soalan mengenai hak asasi manusia, beliau berkata kerajaan mengutamakan kepentingan hak asasi majoriti dan bukan sebilangan kecil yang mempunyai agenda mereka sendiri.

"Kita utamakan hak asasi majoriti... hak asasi majoriti untuk berniaga, untuk hidup dalam keadaan stabil tanpa tekanan, tanpa rusuhan... itu hak

asasi juga. Kita tidak boleh samakan hak asasi satu kumpulan kecil yang mempunyai kepentingan tertentu yang menghalang hak asasi orang lain," katanya.

Beliau berkata mereka yang ditahan mengikut ISA boleh dipenjarakan selama 60 hari dan jika didapati mereka masih menjadi ancaman terhadap keselamatan negara mereka boleh terus ditahan selama dua tahun.

Katanya ISA masih diperlukan sebagai undang-undang pencegahan, dan "kalau sudah berlaku (kekacauan), kalau sudah ada kerosakan mungkin juga orang terbunuh dan sebagainya, masa itu tidak berguna lagi... orang yang cedera, orang kena bunuh, orang tidak boleh berniaga... tindakan itu terlalu lewat".

-- BERNAMA

SR AHH RHM NMO